

PENGURUSAN ISTIHADAH MENURUT FIQH ISLAM DAN PERUBATAN

Saharah Ahmad Mahadi¹, Wan Yusof Wan Chik²

¹(Faculty of Contemporary Islamic Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia)

Penulis Koresponden: Saharah Ahmad Mahadi
saharahahmadmahadi@gmail.com

Abstrak: Istihadah adalah darah yang keluar dari faraj wanita bukan pada tempoh masa haid dan nifas. Manakala dari segi perubatan Istihadah merupakan salah satu permasalahan haid bagi wanita yang dinamakan sebagai Menorrhagia. Menorrhagia merupakan satu keadaan yang berlaku apabila pengeluaran darah haid terlalu banyak dari kebiasaan. Bagi wanita yang mengalami istihadah terdapat banyak kemungkinan yang menjadi penyebab berlakunya darah istihadah ini. Bahkan ia mungkin melibatkan permasalahan kesihatan seperti keadaan hormon yang tidak seimbang atau penyakit lain seperti ketumbuhan dan kanser. Apabila keluar darah secara tidak normal dari faraj wanita maka ianya memberi kesan terhadap hukum-hukum ibadah yang berkaitan dengan Fiqh Islam. Seperti ibadah solat, puasa, dan sebagainya. Darah-darah yang keluar berterusan juga perlu diubati kerana ia boleh menjejaskan kesihatan. Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk menganalisis pengurusan istihadah terhadap wanita sama ada menurut pandangan Fiqh Islam dan perubatan. Kajian ini merujuk kepada penulisan sarjana Islam silam dan kontemporari serta sains perubatan. Bagi hukum-hukum istihadah fokus penulisan memberi keutamaan kepada pandangan Mazhab Syafie. Implikasi kajian ini memutuskan bahawa pengurusan Istihadah sangat berkait rapat dengan Fiqh Islam dan perubatan. Hal ini kerana pengurusan Istihadah melibatkan perkara-perkara terdapat implikasi yang begitu banyak di dalam hukum hakam seperti bersuci, solat, membaca al-Quran, dan sebagainya. Justeru, pengurusan Istihadah yang menggabungkan di antara Fiqh Islam dan perubatan boleh membantu wanita menguruskan permasalahan Istihadah dengan lebih sistematik tanpa mengabaikan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Syarak.

Kata kunci : Pengurusan Istihadah; Fiqh Islam; Perubatan.

Abstract: Istihadah is the blood discharged from the vagina of women not during their menstrual periods nor nifas. In the medical terms, istihadah is actually one of the problems of menstruation for women called Menorrhagia – a condition occurs when there is an overflow of menstrual blood production . For women who suffer from istihadah, there are many possibilities that causes the occurrence of this problem including health problems such as hormone imbalance or other diseases; namely tumor and cancer. When there is an excess abnormality of blood discharged from a woman's vagina outside of their menstrual and nifas period, this will thus affect the practice of the Islamic religious law associated with Islamic Fiqh. Such as solah, fasting and so on. Continued blood outages should also be cured as it can affect health. Therefore, the objective of this article is to analyse women's general management of istihadah whether it is in accordance with the views of both Islamic jurisprudence and medical. In this study, references are made to the writing of ancient and contemporary Islamic scholars as well as from the point of view of medical science. As for the ordinance of istihadah, the targeted referral writing would be of priority to the views of Mazhab Syafie. The aim of this study is largely decided on the fact that Istihadah management is related with Islamic jurisprudence and medical.. This is because the management of istihadah involves such trivial matters which contribute to big implications in the Islamic law practices such as purity, prayers, Quran recital and so on. For women who suffer from istihadah, it is therefore advisable to refer to a specialist for further analysis of the cause of the consistent overflowing occurrence. Therefore, the management of istihadah aligned with the Islamic jurisprudence and combined with the medical help from the doctor can help women to manage their istihadah issues more systematically and thoroughly.

Keywords: Istihadah management; Islamic jurisprudence; Medical

Pendahuluan

Istihadah merupakan darah yang keluar dari faraj wanita bukan pada waktu kebiasaan haid mahupun nifas. Kejadian istihadah ini merupakan gangguan yang terjadi kepada sesetengah wanita. Apabila seseorang wanita mengalami istihadah mereka wajib menunaikan ibadah seperti solat, puasa dan lain-lain sebagaimana wanita normal. Akan tetapi terdapat beberapa pengurusan penting yang perlu dititik beratkan sebelum melaksanakan solat yang perlu dijaga oleh wanita. Sekiranya wanita mengabaikan perkara ini maka mereka akan melakukan kesilapan dalam melaksanakan ibadah sehingga menyebabkan ibadah tidak sempurna. Oleh kerana istihadah dikaitkan dengan darah yang keluar dari faraj wanita, maka kajian mengenainya tidak hanya tertumpu di dalam bidang Fiqh Islam bahkan perubatan juga memandang serius terhadap permasalahan ini.

Melihat kepada kajian lepas yang banyak dilakukan dalam bidang yang sama walaupun fokus kajian yang berbeza telah menunjukkan isu mengenai Istihadah telah dibahaskan sejak dahulu sehingga kini. Antaranya kajian yang dilakukan oleh H. Agus Ramdhan Saputra (2015) tajuk bagi kajian tersebut adalah pemahaman tentang taharah haid, nifas dan istihadah. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Nurlailiyana(2013) yang bertajuk hadis-hadis istihadah dan implikasinya terhadap ibadah wanita. Walaupun kajian-kajian ini mengkaji tentang istihadah, namun pengurusannya tidak menghubungkan antara Fiqh Islam dan perubatan.

Oleh itu, artikel ini ditulis bagi menyediakan pengurusan istihadah kepada golongan *mustahadah* agar ia menepati garis panduan yang ditetapkan oleh syarak serta perubatan. Pengurusan istihadah ini merujuk kepada yang perlu dilaksanakan oleh wanita yang sedang menghadapi istihadah sama ada dalam urusan ibadah mahupun kesihatan.

Istihadah Menurut Fiqh Islam

Istihadah dari segi bahasa diambil dari kalimah *al-haid* iaitu darah yang keluar bukan pada waktu kebiasaan haid. Wanita yang mengalami keadaan istihadah digelar sebagai *mustahadah* (Al-Fayumi, 1987: 379). Darah istihadah keluar selepas habisnya tempoh kebiasaan haid bagi seorang perempuan (Ibn Manzur, tiada Tarikh : 416).

Manakala dari segi istilah, menurut Mazhab Syafie istihadah adalah darah penyakit yang keluar daripada hujung urat yang berada di bawah rahim selepas tempoh sebanyak-banyak haid dan selepas tempoh sebanyak-banyak nifas, sama ada keluarnya istihadah itu

mengiringi kesan darah haid atau tidak mengiringi darah haid (Al-Nawawi tiada tahun: 379). Bagi pendapat Bujairimi (1996), istihadah ialah darah yang keluar kerana penyakit daripada hujung urat yang berada di bawah rahim iaitu mulut rahim yang dipanggil (العازل) selepas tempoh haid yang paling maksima begitu juga dengan nifas.

Dengan ini, dapat difahami bahawa istihadah ialah darah yang keluar selepas tempoh sebanyak-banyak haid iaitu 15 hari dan 60 hari bagi nifas. Darah istihadah ini disebabkan oleh penyakit atau kerosakan urat yang berada di bawah rahim yang dikenali sebagai (العازل) (Al-Bujairimi, 1996: 505).

Perbezaan di antara darah haid dan istihadah ialah darah haid adalah darah yang keluar dari dalam rahim dan warnanya juga hitam pekat dan rasa kepanasan. Manakala darah istihadah adalah darah yang lemah dan keluar daripada hujung urat yang terletak di bawah dinding rahim. Warnanya kemerah-merahan dan ia berubah-ubah sifatnya mengikut faktor pemakanan, masa dan sesuatu tempat. Dari sudut hukum pula, terdapat perbezaan di antara darah haid dan darah istihadah (Muhammad Zuhaili, 2011: 115). Pada awal kedatangan haid, darah bercampur dengan sisa-sisa selaput lendir yang terberai, jumlahnya sedikit, dan berbentuk lendir. Sedangkan ketika pengeluaran darah bertambah, darah akan membeku dan boleh dibezakan dengan mudah. Perbezaan yang terakhir, darah haid datang pada waktu-waktu yang diketahui. Sedangkan darah istihadah datang secara berterusan sepanjang bulan atau diluar waktu yang biasa (Al-Khatib, 2005: 10).

Berikut merupakan perbezaan di antara ciri-ciri darah istihadah dan haid.

Jadual 1: Perbezaan Darah Haid dan Darah Istihadah (Ahmad Mohamad Kan'an, 2000 : 64).

Aspek Perbezaan	Haid	Istihadah
Warna	Hitam.	Merah.
Kepekatan	Tebal dan berat.	Nipis dan ringan.
Bau	Kuat dan busuk.	Tidak kuat kerana ia adalah darah daripada urat rahim.
Beku	Tidak akan beku sekiranya ia terdedah.	Membeku apabila terdedah.

Hadis riwayat Abu Daud Fatimah binti Abi Hubais RA telah beristihadah, lalu Nabi SAW bersabda kepadanya:

إِذَا كَانَ دَمُ الْحَيْضَةِ فَإِنَّهُ دَمٌ أَسْوَدُ يُعْرَفُ، فَإِذَا كَانَ ذَلِكَ فَأَمْسِكِي عَنِ الصَّلَاةِ وَإِذَا كَانَ الْآخِرُ فَتَوَضَّئِي وَصَلِّي ، فَإِنَّمَا هُوَ عَرَقٌ

Maksudnya : Sekiranya ia darah haid, maka ianya adalah berwarna hitam. Sekiranya berwarna hitam maka tinggalkanlah solat. Seandainya ia tidak bersifat demikian, maka berwuduklah dan bersolatlah. Sesungguhnya ia adalah darah penyakit (Sharah Sunan Abi Daud, Riyadh : Maktabah al-Rushd, Kitab Taharah, Bab Iza Aqbalat al-Haidotu, jil. 2)

1. Ciri-Ciri Keadaan Istihadah:

Terdapat beberapa ciri-ciri keadaan perempuan yang mengalami istihadah:

a. Keluar darah sebelum umur sembilan tahun.

Darah yang keluar bagi yang belum mencapai umur sembilan tahun mempunyai dua kemungkinan (*ihtimal*) (Al-Mawardi, 1994: 389):

Pertama : Ia adalah darah fasad. Menurut Imam Syafie darah yang keluar daripada kanak-kanak perempuan yang kecil atau perempuan yang menopause adalah merupakan darah rosak.

Kedua : Ia adalah darah istihadah. Ia disebutkan di dalam kitab *Al-Fiqh ala Mazahab Arbaah* bahawa darah yang keluar daripada perempuan sebelum umur haid atau perempuan yang menopause atau kurang daripada tempoh sekurang-kurang haid tetap dihukumkan sebagai istihadah (Al-Jaziri, 2003: 119).

- b. Keluar darah melebihi tempoh had maksima bagi haid iaitu 15 hari/malam. Oleh sebab darah yang melebihi 15 hari, ada yang datang dengan satu warna atau satu sifat, dua warna atau dua sifat, tiga warna atau tiga sifat atau melebihi daripada itu.
- c. Keluar darah kurang daripada had masa minima bagi sekurang-kurang haid iaitu 24 jam atau sehari semalam.
- d. Keluar darah melebihi had masa maksima bagi tempoh sebanyak-banyak nifas iaitu 60 hari/ malam.

- e. Keluar darah sebanyak dua kali yang diselangi oleh masa suci yang kurang daripada 15 hari (Mansoor, 2017:99-103).

Oleh itu, apabila seseorang wanita mengalami keadaan-keadaan ini maka mereka dihukumkan sebagai golongan *mustahadah*.

2. Kategori golongan *Mustahadah*

Sebelum menerangkan pembahagian *mustahadah*, terdapat beberapa istilah khusus berkaitan dengan golongan *mustahadah* yang perlu diketahui. Antaranya adalah seperti berikut:

- a. *Al-Mubtadiyah* : Perempuan yang baru pertama kali keluar darah dan belum pernah datang haid sebelumnya (Al-Kaf, 2003: 167).
- b. *Al-Mutadah* : Perempuan yang sudah berhaid dan suci sebelum mengalami istihadah (Al-Saqaf, tiada tahun: 76).
- c. *Al-Mumaiyazah* : Perempuan yang boleh membezakan di antara darah haid dan istihadah dengan cara melihat sifat dan warna pada darah sama ada darah yang kuat ataupun lemah. Darah yang kuat dikategorikan sebagai haid manakala darah yang lemah dikategorikan sebagai istihadah.

Perempuan-perempuan yang keluar darah istihadah dikenali sebagai *mustahadah* dan mereka terbahagi kepada tujuh kategori :

- a. *Mustahadah Mubtadiyah Mumaiyazah* (مُسْتَحَاضَةٌ مُبْتَدِئَةٌ مُمَيِّزَةٌ)

Mustahadah Mubtadiyah Mumaiyazah adalah perempuan yang baru pertama kali mengalami haid dan darahnya keluar melebihi 15 hari. Dia juga dapat membezakan jenis darahnya, sama ada kuat mahupun lemah (Al-Saqaf, tiada tahun: 76). Hukum bagi perempuan yang baru kali pertama keluar darah haid dan didapati dia telah mengalami istihadah adalah dengan menjadikan darah kuat sebagai haid dan darah lemah sebagai istihadah (Al-Nawawi, tiada tahun: 428).

- b. *Mustahadah Mubtadiyah Ghairu Muma'iyazah* (مُسْتَحَاضَةٌ مُبْتَدِئَةٌ غَيْرَ مُمَيِّزَةٍ)

Mustahadah Mubtadiyah Ghairu Mumaiyizah adalah perempuan yang baru pertama kali keluar darah istihadah dan dia tidak dapat membezakan jenis darah yang keluar. Sebagai contoh dia melihat keluarnya warna darah merah selama lima hari kemudian keluar pula darah berwarna hitam sehingga hujung bulan. Ini kerana darah berwarna hitam yang keluar lebih 15 hari tidak dikira sebagai darah haid (Al-Shirazi, 1992:149).

Hukum bagi perempuan di dalam kategori ini adalah haidnya hanya dikira sehari dan semalam. Manakala hari-hari yang selebihnya dikira sebagai istihadah dan suci (Al-Buja'irîmî, 1996: 510-511).

c. *Mustahadah Mutadah Mumaiyizah zakiratu al-waqti wa al-qadari*

(مُسْتَحَاضَةٌ مُعْتَادَةٌ مُمَيِّزَةٌ ذَاكِرَةٌ الْوَقْتِ وَالْقَدَرِ)

Mustahadah Mutadah Mumaiyizah zakiratu al-waqti wa al-qadari ialah perempuan yang sudah biasa mengalami haid pada sebulan atau beberapa bulan, serta boleh membezakan warna darah, iaitu dapat membezakan sifat darahnya sama ada darah kuat atau darah lemah dengan syarat-syarat *tamyiz* yang terdahulu kemudian dia pun beristihadah. Jadi, hukumnya di sini ialah dia hendaklah mengikut *tamyiz*nya iaitu mengikut perbezaan darah iaitu darah kuat dihukumkan sebagai darah haid dan darah lemah dihukumkan sebagai istihadah. Di dalam keadaan ini, hukumnya bukan mengikut adat kebiasaannya iaitu pada tempat yang berbeza kebiasaan haidnya dengan *tamyiz*nya serta tidak diselangi oleh tempoh sekurang-kurang suci di antara adat kebiasaan haid dan *tamyiz* (Al-Ramli, 1994: 102).

d. *Mustahadah Mutadah Ghairu Mumaiyizah Zakiratun Li adatiha Qadaran Wa Waqtan*

(مُسْتَحَاضَةٌ مُعْتَادَةٌ غَيْرُ مُمَيِّزَةٌ ذَاكِرَةٌ لِعَادَتِهَا قَدْرًا وَوَقْتًا)

Mustahadah Mutadah Ghairu Mumaiyizah Zakiratun Li adatiha Qadaran Wa Waqtan ialah perempuan yang sudah biasa datang haid dan suci pada bulan-bulan sebelumnya, kemudian datang istihadah. Dalam situasi ini, dia mengalami salah satu daripada dua keadaan. Keadaan yang pertama, dia mengingati kebiasaan haidnya iaitu kadar (*qadran*) jumlah bilangan masa darah yang keluar serta waktu (*waqtan*) keluarnya iaitu tarikhnya tetapi tidak dapat membezakan jenis darahnya iaitu tidak dapat membezakan sifat-sifat darahnya.

Keadaan yang kedua, dia dapat membezakan sifat-sifat darah tetapi tidak memenuhi syarat-syarat membezakan jenis darah iaitu darah kuat tidak mencukupi 24 jam atau darah kuat melebihi 15 hari 15 malam atau darah lemah keluar berterusan kurang daripada 15 hari

di dalam satu keadaan. Hukum bagi perempuan yang berada di dalam kategori ini ialah dengan berpandukan kepada adat kebiasaan haidnya pada bulan-bulan yang sebelumnya bukan berdasarkan kepada *tamyiznya* iaitu dengan membezakan darah kuat dan darah lemah. Begitu juga, tempoh sucinya ditentukan dengan berpandukan kepada tempoh dan waktu keluar darahnya berdasarkan tempoh haidnya yang lalu (Al-Zuhaili, 1985: 386-387).

- e. *Mustahadah Mutadah Ghairu Mumaiyizah Zakiratun Li adatiha Qadaran Wa Nasiyatun Waqtan (Al-Mutahaiyiratu Tahaiyuran Nisbiyyan)*

(مُسْتَحَاضَةٌ مُعْتَادَةٌ غَيْرُ مُمَيِّزَةٍ ذَاكِرَةٌ لِعَادَتِهَا قَدْرًا وَنَاسِيَةٌ وَقْتًا) (الْمُتَحَيِّرَةُ تَحْيِيرًا نِسْبِيًّا)

Mustahadah Mutadah Ghairu Mumaiyizah Zakiratun Li adatiha Qadaran Wa Nasiyatun Waqtan (Al-Mutahaiyiratu Tahaiyuran Nisbiyyan) ialah perempuan yang sudah biasa dengan adat kedatangan haid pada bulan yang sebelumnya tetapi apabila darahnya keluar melebihi 15 hari, dia tidak dapat membezakan darahnya tetapi dia masih mengingat jumlah bilangan tempoh keluarnya haid mengikut masa kebiasaan kedatangan haidnya iaitu dia hanya mengingat banyak atau sedikit kadar lama bagi haid yang menjadi adatnya yang lepas akan tetapi dia lupa mengenai tarikh dan hari permulaan keluar darahnya (Al-ShÊrÊzÊ, 1992: 153).

Hukum bagi golongan yang kelima ini perempuan *Mustahadah Mutadah Ghairu Mumaiyizah Zakiratun Li adatiha Qadaran Wa Nasiyatun Waqtan (Al-Mutahaiyiratu Tahaiyuran Nisbiyyan)* adalah dia wajib berjaga-jaga atau berwaspada semasa dalam tempoh keluar darah daripada kemaluannya (Al-Shirazi, 1992: 153-154). Dalam keadaan masa yang diyakini sebagai masa suci dihukumkan seperti masa bagi perempuan yang berada dalam keadaan suci iaitu wajib dia menunaikan solat, puasa dan sebagainya. Masa yang diyakini sebagai masa haid dihukumkan seperti masa bagi orang yang berhaid yakni haram baginya mengerjakan solat dan sebagainya. Masa yang dikira (*diihtimalkan*) sebagai masa kemungkinan dihukumkan yang pertama sebagai masa haid jika dianggap (*ihhtimal*) sebagai masa haid. Kedua, sebagai masa suci jika dianggap (*ihhtimal*) sebagai masa suci dan yang ketiga sebagai masa berhenti darah jika dianggap (*ihhtimal*) sebagai masa berhenti darah. Maka, wajib baginya mandi sebelum menunaikan setiap solat fardhu.

- f. *Mustahadah Mu'tadah Ghairu Mumaiyizah Zakiratun Li adatiha Waqtan Wa Naasiyatun Qadaran (Al-Mutahaiyiratu Tahaiyuran Nisbiyyan)*

مُسْتَحَاضَةٌ مُعْتَادَةٌ غَيْرُ مُمَيِّزَةٍ ذَاكِرَةٍ لِعَادَتِهَا وَقَتًا وَنَاسِيَةً قَدْرًا (الْمُتَحَيِّرَةُ تَحْيِيرًا نِسْبِيًّا)

Perempuan yang berada dalam kategori ini ialah perempuan yang sudah biasa datang haid pada bulan yang sebelumnya tetapi apabila darahnya keluar melebihi 15 hari (bulan kedatangan istihadah), dia tidak dapat membezakan darahnya (*tamyiz*). Walau bagaimanapun, dia mengingati tarikh permulaan adat haidnya tetapi dia lupa akan kadar jumlah bilangan kebiasaan tempoh masa keluar bagi darah tersebut kerana kedatangan istihadah dengan satu warna darah (Al-Shirazi, 1992: 153-154). Perempuan-perempuan ini juga dipanggil *mutahaiyirah* dan hukum mereka adalah seperti yang telah diterangkan sebelum ini.

g. *Mustahadah Mutadah Ghairu Mumaiyizah Nasiyatun Li adatiha Qadaran Wa Waqtan (Al-Mutahaiyiratu Tahaiyuran Mutlaqan)*

(مُسْتَحَاضَةٌ مُعْتَادَةٌ غَيْرُ مُمَيِّزَةٍ نَاسِيَةٍ لِعَادَتِهَا قَدْرًا وَوَقْتًا (الْمُتَحَيِّرَةُ تَحْيِيرًا مُطْلَقًا))

Perempuan yang berada di dalam kategori ini ialah perempuan yang sudah biasa datang haid dan suci pada bulan-bulan yang sebelumnya tetapi lupa akan tarikh permulaan adat haidnya dan kadar jumlah bilangan tempoh masa keluar haidnya. Perempuan ini juga dinamakan *mutahaiyiratun mutlaqah* iaitu perempuan yang kebingungan mengenai keadaan darah haidnya. Sebelum ini, dia dapat membezakan darah bagi haid-haidnya yang lepas, tetapi apabila dia terlupa kedua-duanya, maka dia langsung tidak dapat membezakan darah-darah yang keluar daripada kemaluannya iaitu tidak dapat membezakan darah kuat dan lemah (Al-Mawardi, 1994: 370-409).


Hukumnya dia sentiasa diwajibkan berhati-hati (*ihtiyat*) iaitu dalam beberapa keadaan, dia perlu mengikut batasan perempuan berhaid dan dalam beberapa keadaan pula, dia perlu mengikut batasan perempuan bersuci. Dia tidak dibenarkan melakukan perkara-perkara yang diharamkan ke atas orang yang berhaid seperti berjimak, membaca, membawa atau menyentuh Al-Quran di luar solat, bertawaf dan iktikaf dan sebagainya (Al-Mawardi, 1994: 370-409). Hal ini demikian kerana, berkemungkinan pada ketika itu dia sedang berhaid. Justeru itu, dia mesti mengikut seperti perempuan yang sedang berhaid iaitu meninggalkan perkara-perkara yang haram ketika berhaid.

Dia dibenarkan menunaikan solat sunat, puasa sunat, tawaf sunat dan ibadat-ibadat lain yang berhajat kepada niat. Dalam masa yang sama, dia wajib menunaikan solat fardhu, puasa fardhu dan kefardhuan-kefardhuan yang lain kerana berkemungkinan dia berada dalam keadaan suci pada ketika itu. Oleh itu, dia perlu mengikut seperti perempuan yang sedang

bersuci. Dia wajib mandi ketika hendak menunaikan setiap solat fardhu di dalam waktunya kerana dia *diihtimalkan* terputus darah pada ketika itu dengan dua kaedah iaitu kaifiat mengerjakan solat bagi *mustahadah mutahaiyirah mutlaqah* adalah berbeza dengan kaifiat solat bagi perempuan-perempuan *mustahadah* yang lain kerana ia mengikuti dua kaedah sebagaimana yang diterangkan di atas (Mansoor, 2017: 99-103).

Berikut merupakan carta aliran kaedah penentuan hukum haid ataupun istihadah untuk pendarahan yang berpanjangan:

Rajah 1 : Kaedah penentuan hukum haid ataupun istihadah bagi darah yang keluar berpanjangan.



Istihadah Menurut Perubatan

Istihadah menurut perubatan dikenali sebagai *Menoragia* atau *Metroragia*. *Menoragia* adalah satu keadaan berlaku apabila pengeluaran darah mensruasi terlalu banyak. Jangka masa aliran darah lebih panjang daripada biasa (Mohd Hamim Rajikin, 1998: 32). Jumlah kehilangan darah lebih kurang 80ml untuk sesuatu tempoh. Jumlah kehilangan darah ini boleh menyebabkan gangguan pada kehidupan sosial perempuan seperti pekerjaan dan juga hubungan seksual. Ia juga boleh menimbulkan penyakit serius dari segi perubatan seperti kekurangan zat besi dalam badan seperti anemia (Margaret Rees, 2005: 61).

Umumnya, darah menstruasi yang keluar bagi seorang perempuan ialah 30Cc dalam sehari dan tempohnya lima ke tujuh hari. Sekiranya darah yang keluar melebihi 80Cc maka ia

dikira tidak normal. Menstruasi berlebihan terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama tempoh harinya normal tetapi darah yang keluar banyak. Kedua, kuantiti darah yang keluar adalah sama dengan menstruasi normal. Akan tetapi, tempoh hari menstruasinya lama. Penyebab menstruasi yang berlebihan ini adalah pengeluaran *estrogen* yang berlebihan. Hal ini akan mengakibatkan ketebalan pada dinding *endometrium*. Kesannya, apabila menstruasi tiba, darah akan keluar secara banyak (Ning Harmanto, 2006: 50). Antara sebab lain pula adalah kewujudan tumor di dalam rahim atau luar rahim seperti *fibroid*, *polip* atau kanser rahim (Jamilah, 1998: 14).

Sekiranya pengeluaran darah menstruasi berlaku sama banyak dengan keadaan normal, tetapi berlaku di luar waktu kebiasaan, seseorang itu dikatakan mengalami *metroragia*. *Metroragia* berlaku apabila pengeluaran darah menstruasinya tidak tetap. Jangka masa pengeluaran darah menstruasi juga kadang-kadang lebih lama daripada biasa (Mohd Hamim, 1998: 32).

Rumusannya, istihadah menurut fiqh Islam mahupun perubatan, kedua-dua bidang ilmu ini menjelaskan ia terjadi apabila wanita mengalami pendarahan yang diluar hari kebiasaan haid dengan tempoh yang lebih panjang.

Pengurusan Istihadah

Pengurusan istihadah merupakan panduan umum yang perlu dilaksanakan ke atas wanita yang menghadapi istihadah. Pengurusan ini merangkumi aspek-aspek yang perlu ditekankan sama ada dalam bidang fiqh Islam mahupun perubatan.

Apabila seseorang wanita mengalami Istihadah perkara pertama yang perlu dilakukan adalah dengan memastikan darah yang keluar benar-benar darah istihadah. Antara ciri-ciri darah istihadah yang perlu diketahui oleh wanita adalah seperti berikut (Mohamad Kan'an, 2000: 64):

- a. Darah istihadah berwarna merah segar, tidak seperti darah menstruasi yang berwarna merah kehitaman.
- b. Baunya tidak terlalu kuat.
- c. Ia akan membeku setelah keluar untuk beberapa ketika.

Seterusnya, perempuan yang beristihadah dihukumkan seperti perempuan yang suci iaitu mereka yang wajib menunaikan solat, puasa dan sebagainya. Mereka tidak berbeza dengan wanita-wanita suci melainkan pada beberapa masalah seperti hukum orang yang *salisul baul* (kencing tak lawas). Oleh itu, istihadah tidak menghalang seseorang perempuan itu pada perkara yang dilarang atau yang diharamkan kerana haid bahkan perempuan yang beristihadah tetap wajib mengerjakan solat, berpuasa di bulan ramadan, serta dibolehkan membaca al-Quran, berjimak dan sebagainya (Al-Nawawi 2005: 87).

Namun disebabkan najis darahnya terus keluar atau sentiasa keluar, maka dia hendaklah melakukan empat perkara terlebih dahulu sebelum mengerjakan solat fardhu:

- a. Membasuh faraj.
- b. Menyumbat faraj dengan kapas atau yang seumpamanya supaya darah tidak menitis keluar.
- c. Wajib membalut faraj dengan kain dalam, cawat atau tuala wanita atau seumpamanya jika perlu kepada balutan dan dia tidak terasa sakit disebabkan darah keluar banyak. Namun, jika tidak perlu dibalut atau terasa sakit, maka tidak wajib dibalut.
- d. Bersuci sama ada dengan berwudhuk atau bertayamum jika ketiadaan air untuk melakukan solat fardhu.

Kesemua empat perkara tadi wajib dilakukan setiap kali hendak menunaikan solat fardhu dan sesudah masuk waktu solat. Perkara-perkara tersebut hendaklah dilakukan dengan tertib dan segera setelah selesai bersuci supaya dapat bersegera menunaikan solat. Jika dia tidak segera bersolat, maka ia dikira batal dan wajib mengulangi empat perkara tersebut kesemuanya kecuali jika disebabkan oleh maslahat solat seperti menutup aurat dan sebagainya. Sesudah menyempurnakan empat perkara tadi, barulah mustahadah itu boleh mengerjakan solat dengan satu wuduk untuk satu solat fardhu sahaja dan beberapa sunat yang dikehendaki. Oleh itu, bagi wanita *mustahadah*, apabila hendak mengerjakan setiap solat, dia mesti menukar balutannya walaupun belum berubah dan darah tidak menitis keluar dan kemudiannya melakukan empat perkara tadi (Sheikh al-Islam, tiada tahun: 27). Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin Al-Husin bin Ali. ed. 1. jil. 10. 1923.

Dipetik dari sebuah hadis yang menerangkan hukum bagi perempuan *mustahadah*.

عَنْ حَمْنَةَ بِنْتِ جَحْشٍ قَالَتْ : كُنْتُ أَسْتَحَاضُ حَيْضَةً كَثِيرَةً شَدِيدَةً ، فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) فَقُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي امْرَأَةٌ أَسْتَحَاضُ حَيْضَةً كَثِيرَةً شَدِيدَةً ، فَمَا تَرَى فِيهَا ؟ قَدْ مَنَعَنِي الصَّلَاةَ وَالصَّوْمَ . قَالَ : " أَنْعَتَ لَكَ الْكُرْسُفَ ، فَإِنَّهُ يَذْهَبُ الدَّمَ " قَالَتْ : هُوَ أَكْثَرُ مِنْ ذَلِكَ ، قَالَ : " فَاتَّخِذِي ثَوْبًا " قَالَتْ : هُوَ أَكْثَرُ مِنْ ذَلِكَ ، إِنَّمَا أَتُجُّ نَجًّا

Maksudnya : Daripada Hamnah binti Jahsyi berkata : Aku telah mengalami darah istihadah yang banyak, maka aku pergi bertemu Rasulullah SAW untuk meminta fatwa dan pandangan. Baginda berada di rumah saudara perempuanku iaitu Zainab binti Jahsyi, lalu aku bertanya : Wahai Rasulullah, aku mengalami darah istihadah yang banyak. Apa pendapatmu mengenainya. Adakah ia mencegah aku dari menunaikan solat dan berpuasa? Rasulullah menjawab: "Tahan ia menggunakan kapas, kerana ia boleh menghilangkan darah". Aku berkata lagi : Ia lebih banyak mengalir. Rasulullah berkata lagi: "Maka ambil secarik kain".

(Al-Sunan al-KubrÉ wa fi Zailihi al-Jauhar al NaqlÉ, kitab al-haid, bab al-mubtadi'ah la tumayyizu baina al-dammaini, no hadis 1665).

Hadis ini menunjukkan alat yang terbaik bagi menahan darah yang keluar dari mengalir adalah kapas ataupun kain. Hal ini kerana sifat yang ada pada kapas ia mudah meresap ke atas cecair.

Perintah kewajipan melakukan solat bagi perempuan yang sedang beristihadah adalah berasaskan dalil yang diambil daripada hadis riwayat dalam *Al-Sohihain* dan Hisham bin Urwah, dari bapanya dan Aisyah RA berkata, Fatimah binti Hubaish datang menemui Nabi SAW kemudian dia bertanya, wahai Rasulullah SAW, aku adalah perempuan yang sedang mengalami istihadah dan aku tidak suci, jadi bolehkah aku meninggalkan solat? Rasulullah SAW menjawab:

لَا إِنَّمَا ذَلِكَ عِرْقٌ وَلَيْسَ بِحَيْضٍ فَإِذَا أَقْبَلَتْ حَيْضَتَكَ فَدَعِي الصَّلَاةَ

Maksudnya : Tidak. Bahkan itu dinamakan sebagai urat darah dan bukan haid. Apabila haid datang maka tinggalkanlah sembahyang

(Sohih Bukhari, kitab al-Wudu, bab Ghuslu al-dam, jil.1, no hadis 221)

Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa Fiqh Islam menyediakan panduan khusus bagi wanita *mustahadah*. Biar pun golongan ini dilihat normal dari segi kedudukan ibadahnya seperti wanita biasa, namun terdapat beberapa perkara yang perlu di beri perhatian terutamanya kebersihan diri sebelum menunaikan solat.

Pengurusan Istihadah dari Segi Perubatan

Apabila berlakunya haid yang berlarutan wanita digalakkan untuk berjumpa dengan pakar perubatan. Pakar perubatan akan mendiagnosis punca dan sebab terjadinya haid yang berpanjangan ini. Wanita yang mengalami permasalahan haid yang keluar secara berterusan memerlukan rehat secukupnya. Mereka digalakkan untuk makan makanan yang mengandungi banyak vitamin (C), kalsium dan ubat bagi masalah anemia. Kebiasaannya doktor perubatan akan mencadangkan agar pesakit mengambil perawatan hormon seperti pil-pil perancang kehamilan sehingga pendarahan berhenti. Pengambilan hormon ini boleh diteruskan dalam tempoh tiga bulan sekiranya masalah yang sama berulang. Sekiranya masalah berpunca daripada kelenjar *thyroid*, maka pengambilan ramuan *progestiron* seperti *primolut* dan *endrogen* serta ramuan-ramuan khusus untuk merawat kelenjar *thyroid* (Lastiko Bramantyo, 2006: 28).

Tambahan lagi, sekiranya darah yang keluar banyak diselangi dengan senggugut maka doktor akan memberi ubat anti keradangan bukan steroid (NSAIDs) seperti asid *mefenamik*. Tujuannya adalah untuk membantu mengurangkan pendarahan dan juga sakit perut akibat senggugut (Harmy, 2012: 135).

Justeru itu, dapat diperhatikan perubatan mengambil perhatian yang serius terhadap golongan *mustahadah*. Bagi wanita yang mengalami pendarahan berpanjangan yang luar dari tempoh kebiasaan haid sering kali menghadapi permasalahan dalam rahim atau masalah gangguan hormon. Golongan ini perlu segera merujuk kepada ahli perubatan bagi mendapatkan rawatan susulan dan mencari punca gangguan kitaran haid mereka.

Kesimpulan

Kesimpulannya, istihadah merupakan sebahagian dari permasalahan darah yang keluar dari rahim yang terjadi terhadap sebahagian wanita. Oleh kerana darah yang keluar ini tidak secara normal maka Islam menetapkan beberapa amalan dan cara mengurus permasalahan istihadah terutamanya apabila dikaitkan dengan perkara ibadah. Cara bersuci sebelum melakukan solat bagi perempuan istihadah adalah satu perkara yang perlu dipraktikkan bagi memastikan sah ibadah solat yang dilakukan.

Masalah istihadah dikaitkan dengan masalah kesihatan. Ahli perubatan juga menyediakan langkah-langkah yang perlu diambil berat oleh wanita yang mengalami istihadah. Wanita yang menghadapi masalah ini, dinasihatkan untuk segera merujuk ke

hospital bagi tujuan pemeriksaan. Pendarahan yang keluar dalam tempoh jangka masa yang panjang dikhuatiri akibat dari masalah dalaman wanita. Pemeriksaan awal dilakukan bagi mengenal pasti permasalahan serta rawatan perlu dijalankan dengan segera.

Oleh itu, setiap umat Islam khususnya kaum wanita wajib mengambil perhatian untuk mempelajarinya pengurusan istihadah sama ada dari sudut syarak mahupun perubatan. Mereka juga perlu mengamalkannya bagi memperolehi penyelesaian kepada setiap persoalan yang mungkin timbul ke atas dirinya sendiri, anak-anaknya dan ahli keluarganya sendiri.

Rujukan

- Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad bin Musa bin Ahmad. *Sharah Sunan Abi Daud*. ed. 1. jil. 2. Riyad : Maktabah al-Rushd. 1999.
- Ahmad Mohamad Kanan. *Al-Mausuah Al-Fiqhiyyah Al-Tibbiyyah*. ed. 1. Beirut : Dar al-Nafais. 2000.
- Al-Bujairimi, Sulaiman bin Muhammad bin Umar. *Al-Bujairimi ala al-Khatib*. ed. 1. jil. 1. Beirut : Dar al-Kutub Ilmiah. 1996.
- Al-Bujairimi, Sulaiman bin Muhammad bin Umar. *Al-Bujairimi ala al-Khatib*. ed. 1. jil. 1. Beirut : Dar al-Kutub Ilmiah. 1996.
- Al-Bukhari, Muhammad b. Ismail b. Ibrahim b. Al-Mughirah. *Sahih Bukhari*. jil.1. Damsyiq : Dar Al-Bayan. 1990.
- Al-Fayumi Al-Muqri, Ahmad bin Muhammad bin Ali. *Al-Misbah Al-Munir*. Beirut : Maktabah Lubnan. 1987.
- Al-Jaziri, Abdul Rahman. *Kitab al-Fiqhi ala al-Mazahib al-Arbiah*. ed. 2. jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub ‘Ilmiah. 2003.
- Al-Kaf, Hasan Bin Ahmad Muhammad. *Al-Taqrirat Al-Sadidat Fi Masail Al-Mufidat*. ed. 1. Yaman : Dar Al-Ilmi Wa Al-Dakwah. 2003.
- Al-Khatib, Yahya Abdurrahman. *Fikih Wanita Hamil*. Jakarta : Qisthi Press. 2005.
- Al-Mawardi, Abi Hasan Ali bin Muhammad bin Habib, *Al-Hawiy al-Kabir*. ed. 1. jil. 1. Beirut : Dar al-Kutub Ilmiah. 1994.
- Al-Mawardi, Abi Hasan Ali bin Muhammad bin Habib, *Al-Hawiy al-Kabir*. ed. 1. jil. 1. Beirut : Dar al-Kutub Ilmiah. 1994.
- Al-Nawawi, Al-Imam Abi Zakaria Muhyiddin bin Sharif. *Al-Majmuk Sharah al-Muhazab Li-Shairazi*. jil. 2. Al-Mumallikah Al-Arabiah Al-Sa‘udiah : Maktabah al-Irshad. t.th.

- Al-Nawawi, Muhyiddin Abi Zakaria Yahya bin Sharif. *Minhaj al-Talibin wa Umdat al-Muftin*. ed. 1. Beirut : Dar al-Minhaj. 2005.
- Al-Ramli, Shamsuddin Muhammad bin Ahmad. *Ghayat al-Bayan Sharah Zabad Ibn Ruslan*. ed. 1. Beirut : Dar al-Kutub Ilmiah. 1994.
- Al-Saqaf, Abdul Rahman bin Abdullah bin Abdul Qadir. *Al-Ibanah wa Al-Ifadah, fÊ Ahkam al-Haid wa al-Nifas wa al-Istihadah*. t.th.
- Al-Shirazi, Abi Ishak. *Al-Muhazab*. ed. 1. jil. 1. Damsyik : Dar al-Qalam. 1992.
- Al-Zuhaili, Wahbah. *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuhu*. ed. 2 jil. 1. Damsyiq : Dar al-Fikr. 1985.
- Harmy Mohd Yusof, Shamsul Kamal Abdullah. *Fikah Perubatan*. ed. 5. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd. 2012.
- Ibn Manzur, Abi Al-Fadhli Jamaluddin Muhammad bin Makrami bin Manzur Al-Ansari Al-Khazraji Al-Misri. *Lisan 'Arab*. t.t. jil. 8. Arab Saudi : Wizarah Al-Shuun Al-Islamiah Wa Al-'Auqaf Wa Al-Dakwah Wa Al-Islamiah. t.th.
- Jamilah Jamaludin. *Wanita dan Masalah Kesihatan*. ed. 1. Selangor : Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka. 1998.
- Lastiko Bramantyo, Nor Faridah Sharuddin. *Menangani Masalah Kewanitaan*. Kuala Lumpur: Synergy Media. 2006.
- Mansoor bin Ismail. *Izalat ul-Iltibas fi Syarh Tuhfat il-A'izza'*. Sri Petaling: Miftahul Ulum. 2017.
- Mohd Hamim Rajikin. *Haid Antara Suka Dan Duka*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1998.
- Muhammad Zuhaili, *Al-Muktamad fi al-fiqhi Al-Shafi*. ed. 2. jil. 1. Damsyiq : Dar al-Qalam. 2011.
- Sheikh al-Islam, Abi Yahya Zakaria al-Ansori, *Fathu al-Wahab bi Sharah Manhaj al-Tullab*. t.t. jil. 1. t.th.